



PENYATA

AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT



DATO' SERI AHMAD JOHAN MOHAMMAD RASLAN



ALEX OOI THIAM POH



HONG CHIN PHENG



DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ



SALMAH BEE MOHD MYDIN



**YM TUNKU AFWIDA BINTI TUNKU
ABDUL MALEK**

Nota:

Seri Izriani Melani Mohtar dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 6 Februari 2026.

Imbas kod QR untuk maklumat lebih lanjut mengenai Ahli Lembaga Pemantauan Audit





Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan

*Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Disember 2020
Penetapan semula sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada
5 Januari 2026*

Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan merupakan Pengerusi Eksekutif PwC Malaysia dari 2004 hingga 2012, sebelum beliau bersara daripada firma tersebut.

Dato' Seri Johan telah memegang beberapa jawatan kerajaan, termasuk Pengerusi Rangka Kerja Pelaporan Kewangan (FRF) dari 2003 hingga 2009, ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia dari tahun 2009 hingga 2012, serta ahli Penel Penasihat Antarabangsa Labuan FSA dari tahun 2004 hingga 2012.

Dalam tadbir urus korporat, Dato' Seri Johan telah membantu SC melancarkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) yang pertama ke pasaran pada tahun 2000. Sejak itu, beliau turut terlibat dalam penggubalan beberapa versi MCCG yang terkemudian.

Pada masa ini, Dato' Seri Johan merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas di Sime Darby Property Bhd dan YTL Digital Bank Bhd. Beliau kini juga merupakan ahli lembaga pengarah Institut Pengarah Korporat Malaysia. Beliau merupakan Felo Eisenhower.

Dato' Seri Johan memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari University of Hull, UK. Beliau ialah Felo ICAEW serta ahli MIA dan MICPA. Dato' Seri Johan berkhidmat sebagai Presiden MICPA dari tahun 2011 hingga 2012.



Alex Ooi Thiam Poh

*Dilantik sebagai Pegawai Eksekutif pada
24 November 2017*

Alex Ooi kini merupakan Pengarah Eksekutif SC yang bertanggungjawab sebagai Pegawai Eksekutif AOB.

Alex terlibat dalam Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan, Lembaga Piawaian Etika dan Lembaga Pendidikan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga berkhidmat sebagai Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia serta mewakili SC sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pelesenan Audit di Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau merupakan bekas Ahli Majlis MIA.

Alex ialah ahli Kumpulan Kerja Pelabur dan Pemegang Berkepentingan Lain Forum Antarabangsa Pengawal Selia Audit Bebas serta Pasukan Petugas Jaminan Kemampanan. Beliau juga kini merupakan ahli Pusat Kecemerlangan Etika dan Piawaian Profesional CPA Australia. Beliau sebelum ini merupakan Presiden Divisyen Malaysia CPA Australia pada tahun 2013 dan 2014. Beliau merupakan bekas ahli Lembaga Penasihat Amalan Awam CPA Australia di Melbourne, Australia.

Alex ialah Akauntan Bertauliah MIA, Felo CPA Australia, serta ahli Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) dari Monash University, Australia.



Hong Chin Pheng

Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 11 Oktober 2022

Hong Chin Pheng memiliki ijazah dalam perakaunan dan merupakan ahli MIA serta MICPA. Beliau mempunyai lebih 25 tahun pengalaman penyeliaan di Bank Negara Malaysia (BNM). Dalam peranan beliau sekarang sebagai Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, beliau bertanggungjawab terhadap penyeliaan berhemat kumpulan perbankan domestik. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) serta mewakili BNM dalam Aliran Kerja Penyeliaan Rangkaian Bank Pusat dan Penyelia untuk Menghijaukan Sistem Kewangan (NGFS).



Datuk Nor Azimah Abdul Aziz

Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Januari 2020

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sebelum pelantikan beliau sebagai CEO pada 1 Mei 2020, beliau merupakan Timbalan CEO bagi Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan seterusnya menyandang jawatan sebagai Timbalan CEO Perkhidmatan Korporat antara tahun 2016 hingga 2020. Beliau menyertai SSM sebagai Pengurus Besar Jabatan Dasar Korporat, Perancangan dan Pembangunan pada tahun 2003. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara dan seterusnya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semasa berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Kawal Selia dan Piawaian MIA pada Julai 2000.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam inisiatif reformasi undang-undang dan telah menyelia pembangunan perundangan penting di bawah bidang kuasa SSM, antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga AOB, Ahli Lembaga Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB), Ahli Lembaga Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), serta Ahli Jawatankuasa Eksekutif Corporate Registers Forum (CRF), iaitu sebuah persatuan pendaftar korporat antarabangsa dan Profesor Adjung di UKM.

Datuk Nor Azimah memperoleh ijazah undang-undang (LL.B) dari Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM) dan Ijazah Sarjana Undang-Undang (LL.M dalam Undang-Undang Perniagaan) dari Universiti Aberystwyth, United Kingdom.



Salmah Bee Mohd Mydin


*Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada
1 Januari 2020*

Salmah Bee Mohd Mydin merupakan bekas Pengarah Eksekutif Pembangunan Pasaran di SC. Sepanjang kerjaya yang cemerlang lebih daripada 30 tahun di SC, beliau memegang pelbagai jawatan kanan dalam kedua-dua fungsi pengawalseliaan dan pembangunan pasaran.

Dalam bidang pengawalseliaan, Salmah membina kepakaran melalui penglibatannya dalam beberapa siasatan besar, termasuk kes manipulasi pasaran dan dagangan orang dalam.

Beliau seterusnya mengetuai fungsi Kebenaran dan Pelesenan, sebelum mengambil peranan kepimpinan dalam fungsi penyeliaan SC, di mana beliau bertanggungjawab ke atas pemantauan terhadap pengantara pasaran modal berlesen.

Dalam kapasiti pembangunan pasaran, Salmah bertanggungjawab terhadap perumusan dasar merentasi bidang-bidang utama seperti kewajaran terhadap peraturan, kemampunan dan tadbir urus korporat selain daripada fokus utama bagi SC, iaitu industri pengurusan pelaburan dan modal teroka. Fokus utama ini bertumpukan kepada pembentukan rangka kerja regulatori dan inisiatif yang bertujuan untuk mengukuhkan kecekapan dan kerancakan pasaran, serta daya saing global pasaran modal Malaysia.



YM Tunku Afwida binti Tunku Abdul Malek

*Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada
1 September 2025*

YM Tunku Afwida telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam sektor perbankan pelaburan. Beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengarah Eksekutif (ED) Kenanga Investment Bank Bhd dari tahun 2006 hingga 2008. Sebelum itu, beliau merupakan CEO dan ED MIMB Investment Bank Bhd (kini dikenali sebagai Hong Leong Investment Bank Bhd) dari tahun 2003 hingga 2006. Antara tahun 1995 dan 2003, beliau memegang jawatan ED/Ketua Pegawai Pelaburan di Commerce Asset Fund Managers Sdn Bhd.

YM Tunku Afwida juga pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Affin Hwang Investment Bhd dari Mei 2022 hingga Mei 2025. Beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Kanan Telekom Malaysia Bhd sebelum bersara pada Mei 2024.

Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga ENRA Group Bhd, SAM Engineering & Equipment (M) Bhd, DXN Holdings Bhd serta ahli panel pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

YM Tunku Afwida memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari City University London, United Kingdom, bertauliah sebagai Akauntan Bertauliah dari ICAEW dan merupakan ahli MIA.